

13 SEP 1998

Komanwel-Boling Tenpin (Malaysia-lelaki)

EMAS PERTAMA NEGARA UNTUK SETIAP RAKYAT MALAYSIA

Oleh: Roslan Ariffin

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Pasangan Malaysia Kenny Ang dan Ben Heng yang memenangi emas pertama negara pada Sukan Komanwel ke-16 menerusi beregu lelaki boling tenpin di Pyramid Bowl hari ini mendedikasikan kemenangan mereka kepada seluruh rakyat Malaysia.

"Pingat emas ini adalah untuk rakyat Malaysia yang sentiasa memberikan sokongan padu kepada pasukan boling negara," kata Kenny selepas majlis penyampaian pingat di gelanggang boling tenpin di sini, yang menyaksikan beratus-ratus penyokong tempatan bersorak dan memberi kata semangat kepada pasangan itu sepanjang permainan berlansung.

Kenny berkata kemenangan itu juga adalah berkat kesungguhan, dedikasi dan semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh pemain negara sepanjang persediaan dan latihan menghadapi Sukan Komanwel.

Selepas tamat perlawanan itu, pasukan Malaysia turut menerima pesanan ucapan tahniah daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir ditujukan kepada pemain dan pegawai negara atas kemenangan pingat emas itu.

Dr Mahathir sebelum itu singgah untuk melihat sebentar permainan Malaysia pada games kelima dan keenam dengan duduk di barisan kerusi penyokong tempatan sebelum beredar.

Malaysia yang mencatatkan 3,552 jatuhan pin bagi lapan permainan, menewaskan Antoine Jones dan Conrad Lister dari Bermuda dengan lebih jatuhan 223 jatuhan pin manakala pasangan Australia Micheal Muir dan Francis Ryan mendapat pingat gangsa dengan 3,229 jatuhan pin.

Kemenangan itu amat manis bagi pasukan boling tenpin kebangsaan apabila berjaya mencapai matlamat Majlis Sukan Negara untuk memunggut dua pingat dalam pertandingan itu yang menawarkan keseluruhan lima pingat emas bagi tempoh empat hari pertandingan yang bermula, hari ini

Pagi tadi, pasangan wanita negara, Lai Kin Ngoh dan Shalin Zulkifli meraih pingat perak setelah tewas kepada regu Australia, Cara Honeychurch dan Maxim Nable.

Kenny, yang mencatat jatuhan pin tertinggi daripada 30 pemain yang bermain dalam acara beregu itu dengan purata 225.63 jatuhan pin, berkata Malaysia bernasib baik untuk mendahului sejak awal permainan menyebabkan pesaing lain tertekan.

"Kita juga tidak menghadapi banyak masalah dengan keadaan lorong kerana telah biasa berlatih sebelum ini,"katanya sambil menyifatkan pasukan pilihan lain seperti Australia dan Singapura tidak bernasib baik apabila pemain mereka gagal beraksi dengan cemerlang seperti biasa.

Kenny dan Ben juga sepakat untuk mengekalkan kecemerlangan mereka bagi memastikan pasukan negara terus memunggut pingat dalam dua acara lagi iaitu beregu campuran yang bermula esok dan acara perseorangan pada Selasa dan Rabu ini.

Esok Kin Ngoh dan Kenny akan beraksi sebagai pasangan beregu campuran pertama negara bagi acara pagi, manakala Shalin dan Ben beraksi pada sebelah petang.

Sementara itu, jurulatih Malaysia Sid Alen berkata Malaysia mampu untuk meraih pingat dalam dua acara lagi terutama dengan persembahan menyakinkan setakat ini.

"Dengan memenangi dua pingat hari ini, kita sudah tiada tekanan lagi dan saya yakin esok mereka tiada tekanan dan boleh memenangi pingat lagi," kata beliau.

Beliau juga berkata kemenangan itu mencapai objektif program

pembangunan lapan tahun pasukan boling tenpin negara yang berakhir akhir tahun ini, iaitu bagi melahirkan pemain muda yang mampu menjadi antara pemain terbaik dunia.

"Misi kita selepas ini ialah menjadi juara pada kejohanan Piala Dunia di Emiriyah Arab Bersatu tahun depan, dan kita akan bekerja keras ke arah itu," kata beliau.

-- BERNAMA

RAR ZB